

Jangan Biarkan Penyakit Gastrik Jadi Melarat



Oleh: Norain Aqilah Miswan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021

Gastrik bukanlah penyakit yang boleh diabaikan dan tidak boleh ambil sambil lewa. Sekiranya diabaikan dan tidak dirawat, gastrik boleh mengundang penyakit yang lebih serius dan menyebabkan pendarahan pada perut.



Gambar hiasan.

Gastrik atau istilah perubatannya, gastritis, merupakan sejenis penyakit yang merujuk kepada keradangan dinding perut. Lazimnya, keradangan berpunca daripada jangkitan bakteria *helicobacter pylori* atau *H. pylori* yang turut menjadi penyebab utama kebanyakan ulser perut.

Sel perut kita menghasilkan asid hidroklorik dengan pH 1 hingga pH 2 yang berfungsi mencerna makanan. Asid ini merupakan sejenis asid yang kuat dan boleh menyebabkan kakisan kulit jika terkena pada tangan.

Penyakit gastrik juga boleh merosakkan lapisan dinding perut dan memberikan kesan yang teruk kepada badan jika tidak dirawat dengan baik.

Gastrik merupakan masalah kesihatan yang sangat lazim dan boleh berlaku pada sesiapa sahaja. Secara umumnya, Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan, lelaki didapati lebih banyak mengalami masalah gastrik dengan nisbah 1.5 hingga 2 kali ganda berbanding wanita.

Bagi mengelakkan kesan yang lebih teruk, kita hendaklah mengambil tahu tanda-tanda berlakunya gastrik. Gastrik mudah dikesan kerana ia akan mengakibatkan ketidakselesaan pada bahagian perut.

Antara tanda-tanda gastrik adalah rasa sakit pada bahagian atas perut, tidak selesa, kembung perut, sendawa berulang kali dan kerap membuang angin selepas makan, muntah, hilang selera makan, berat badan turun (pada peringkat teruk) dan rasa senak.

Gastrik akan berlaku apabila tiada keseimbangan antara kuantiti rembesan asid hidroklorik (terlalu banyak) dengan kekuatan lapisan pertahanan (menjadi lemah). Jika lapisan pertahanan ini menjadi lemah, ulser berlaku kerana asid hidroklorik boleh sampai ke sel dan menyebabkan keradangan.

Namun, masyarakat sering mengambil mudah dan kurang cakna tentang penyakit ini. Gastrik hendaklah dirawat secepat mungkin kerana penyakit ini boleh menyebabkan pendarahan pada perut.

Pada tahap yang lebih teruk, gastrik boleh menyebabkan ulser perut, radang pankreas dan pedih ulu hati. Ulser perut berlaku apabila terdapat luka pada bahagian dinding perut dan bahagian permulaan usus kecil yang dikenali sebagai duodenum.

Jika dibiarkan tanpa rawatan, luka yang sedia ada akan bertambah teruk dan kesihatan pesakit akan turut terjejas.

Radang pankreas pula merujuk kepada keadaan pankreas yang sudah rosak berikutan berlakunya keracunan pada organ tersebut. Kandungan alkohol yang terlalu tinggi merupakan salah satu punca yang menyebabkan bahagian ini tersumbat atau rosak.

Menurut Pegawai Perubatan di Annura Clinic Medical & Surgery, Dr Mohd Ramzdhan Mohd Masdar, pankreas merupakan organ yang terlibat dalam sistem pencernaan makanan dalam tubuh manusia.

Fungsi pankreas adalah untuk menghasilkan hormon dan enzim supaya proses pencernaan makanan boleh dijalankan dengan sempurna.

Pedih ulu hati pula berlaku disebabkan asid perut yang mengganggu kawasan bawah esofagus. Penyakit ini berlaku kerana injap pada bahagian atas perut yang dikenali sebagai sfinkter esofagus bawah (LES) tidak tertutup.

Asid perut memasuki esofagus yang tidak mempunyai lapisan penebat bahan kimia. Situasi ini akan menyebabkan terjadinya kesan kimia pada kawasan tersebut.

Kekerapan seseorang mengalami pedih ulu hati secara berulang kali juga boleh menyebabkan masalah kesihatan yang dipanggil sebagai penyakit refluks gastroesofagus (GERD).

Setiap anggota masyarakat perlu mengambil berat dan tidak bersikap sambil lewa terhadap penyakit gastrik. Individu yang mempunyai simptom perlu segera mendapatkan rawatan agar tidak mengalami masalah gastrik yang lebih kronik.